



Fail: (15) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 9 Disember 2011

Ketua Pengarang,

Berita Harian

Akhbar : **Berita Harian**
Tarikh : **29 November 2011**
Subjek : **PENDUDUK DAKWA MPKJ TAK ANGKUT SAMPAH SEJAK JULAI**

Merujuk kepada perkara di atas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Berita Harian kerana mengetengahkan isu tersebut. Pihak Kementerian khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Dimaklumkan bahawa siasatan telah dijalankan pada 29 November 2011 dan didapati terdapat longgokan sampah pukat. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Perbandaran Kajang telah mengarahkan kontraktor kawasan melakukan kerja-kerja pembersihan dengan kadar segera dan kerja-kerja pembersihan telah siap dilaksanakan pada 29 November 2011.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my

